

Bil. S 102

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

(Perintah di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH PERKAPALAN PEDAGANG

(LIABILITI SIVIL DAN PAMPASAN KERANA PENCEMARAN MINYAK), 2008

SUSUNAN BAB-BAB

Bab

BAHAGIAN I

PERMULAAN

1. Gelaran dan gelaran panjang.
2. Tafsiran.

BAHAGIAN II

LIABILITI SIVIL KERANA PENCEMARAN MINYAK

Liabiliti

3. Liabiliti kerana pencemaran minyak.
4. Pengecualian dari liabiliti di bawah bab 3.
5. Sekatan liabiliti kerana pencemaran minyak.
6. Pembatasan liabiliti di bawah bab 3.
7. Tindakan pembatasan.
8. Sekatan ke atas penguatkuasaan tuntutan selepas penubuhan dana pembatasan.
9. Liabiliti bersama pemilik dan orang lain.
10. Penubuhan dana pembatasan di luar Negara Brunei Darussalam.
11. Penghapusan tuntutan.

Insurans Wajib

12. Insurans wajib terhadap liabiliti kerana pencemaran minyak.
13. Pengeluaran perakuan.
14. Hak pihak ketiga terhadap penanggung insurans.

Tambahan

15. Bidang kuasa mahkamah Negara Brunei Darussalam dan pendaftaran penghakiman asing.
16. Sekatan ke atas penguatkuasaan penghakiman yang diberikan oleh mahkamah di negeri yang bukan ahli dalam Konvensyen Liabiliti.
17. Kapal kerajaan.
18. Perkecualian bagi tindakan yang diambil.
19. Kuasa untuk menahan kapal.
20. Kuasa untuk menangkap.
21. Penjualan kapal.

BAHAGIAN III

DANA PAMPASAN PENCEMARAN MINYAK ANTARABANGSA

22. Tafsiran Bahagian ini.
23. Keupayaan Dana di sisi undang-undang.
24. Sumbangan oleh pengimport minyak dan orang lain.
25. Kuasa untuk mendapatkan maklumat.
26. Liabiliti Dana.
27. Pembatasan liabiliti Dana di bawah bab 26.
28. Bidang kuasa dan kesan penghakiman.
29. Penghapusan tuntutan.

30. Subrogasi.

BAHAGIAN IV

AM

31. Peraturan-peraturan.
 32. Pengarah boleh memberi kuasa kepada pegawai untuk menjalankan kuasa dan kewajipan.
 33. Kuasa untuk menaiki dan memeriksa kapal.
 34. Kesalahan yang dilakukan oleh badan korporat.
 35. Komposisi kesalahan.
 36. Perlindungan dari liabiliti sendiri.
-

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

(Perintah di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH PERKAPALAN PEDAGANG

(LIABILITI SIVIL DAN PAMPASAN KERANA PENCEMARAN MINYAK), 2008

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh Perkara 83(3) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut –

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Gelaran dan gelaran panjang.

1. (1) Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Perkapalan Pedagang (Liabiliti Sivil dan Pampasan kerana Pencemaran Minyak), 2008.

(2) Gelaran panjang Perintah ini adalah "Suatu Perintah untuk menguatkuasakan Konvensyen Antarabangsa mengenai Liabiliti Sivil kerana Kerosakan Pencemaran Minyak, 1992 dan Konvensyen Antarabangsa mengenai Penubuhan suatu Dana Antarabangsa bagi Pampasan kerana Kerosakan Pencemaran Minyak, 1992 dan untuk membuat peruntukan-peruntukan pada amnya bagi perkara-perkara yang berhubungan dengannya".

Tafsiran.

2. (1) Dalam Perintah ini, melainkan jika maksudnya berkehendakkan makna yang lain –

"kapal Negara Brunei Darussalam" bermakna sesebuah kapal Negara Brunei Darussalam atau sesebuah kapal berlesen Negara Brunei Darussalam sebagaimana yang ditakrifkan dalam bab 2(1) dari Perintah Perkapalan Pedagang, 2002 (S 27/02);

"negeri" termasuk sesebuah wilayah;

"Mahkamah" bermakna Mahkamah Tinggi;

"kerosakan" termasuk kerugian;

"Pengaruh" bermakna Pengarah Laut yang dilantik di bawah bab 4 dari Perintah Perkapalan Pedagang, 2002 (S 27/02) dan termasuk Timbalan Pengarah Laut;

"Konvensyen Liabiliti" bermakna Konvensyen Antarabangsa mengenai Liabiliti Sivil kerana Kerosakan Pencemaran Minyak, 1992;

"negeri Konvensyen Liabiliti" bermakna sesebuah negeri yang berkaitan dengannya Konvensyen Liabiliti berkuatkuasa;

"Negara Konvensyen Liabiliti" bermakna sesebuah Negara yang menjadi ahli kepada Konvensyen Liabiliti;

"juragan" termasuk setiap orang, kecuali seseorang malim, yang memerintah atau menjaga sesebuah kapal;

"Menteri" bermakna Menteri Perhubungan;

"minyak" bermakna mana-mana minyak mineral hidrokarbon tegar seperti minyak mentah, minyak bahan bakar, minyak diesel berat dan minyak pelincir, sama ada dibawa di dalam sesebuah kapal sebagai kargo atau dalam bunker kapal;

"pemilik", berkenaan dengan sesebuah kapal, bermakna orang yang didaftarkan sebagai pemilik kapal itu atau, sekiranya tidak didaftarkan, orang yang memiliki kapal itu, kecuali bahawa, berkenaan dengan sesebuah kapal yang dimiliki oleh sesebuah Negara yang dikendalikan oleh seseorang yang didaftarkan di Negara itu sebagai pengendali kapal itu, ia bermakna orang yang didaftarkan sebagai pengendalinya;

"pelabuhan" bermakna mana-mana kawasan di dalam Negara Brunei Darussalam yang diisytiharkan sebagai sebuah pelabuhan di bawah bab 3 dari Akta Pelabuhan (Panggal 144);

"kapal" bermakna mana-mana vesel laut atau mana-mana jenis perahu laut.

(2) Jika Menteri, dengan perintah yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan*, mengisytiharkan bahawa mana-mana Negara yang dinyatakan dalam perintah itu adalah ahli kepada Konvensyen Liabiliti berkaitan dengan mana-mana negeri yang dinyatakan demikian, perintah itu adalah keterangan muktamad, selagi berkuatkuasa, bahawa Negara itu adalah ahli kepada Konvensyen Liabiliti berkaitan dengan negeri itu.

(3) Bagi maksud-maksud Perintah ini —

(a) sebutan-sebutan kepada wilayah Negara Brunei Darussalam termasuk laut wilayah dan zon ekonomi eksklusif Negara Brunei Darussalam dan sebutan-sebutan kepada wilayah mana-mana negeri lain termasuk laut wilayah dan zon ekonomi eksklusif negeri itu;

(b) sebutan-sebutan kepada zon ekonomi eksklusif sesebuah negeri adalah sebutan-sebutan kepada zon ekonomi eksklusif negeri itu yang ditubuhkan menurut undang-undang antarabangsa atau, jika zon tersebut belum ditubuhkan, kawasan yang bersempadan dengan laut wilayah negeri itu dan meliputi tidak lebih dari 200 batu nautika dari garis pangkal yang darinya lebar laut itu diukur;

(c) sebutan-sebutan kepada pembuangan atau pengeluaran minyak dari sesebuah kapal adalah sebutan-sebutan kepada pembuangan atau pengeluaran di mana sahaja ia berlaku dan sama ada ia adalah minyak yang dibawa dalam tangki kargo atau minyak yang dibawa dalam tangki bunker bahan bakar;

(d) jika lebih dari satu pembuangan atau pengeluaran berpunca dari peristiwa yang sama atau dari siri peristiwa-peristiwa yang sama puncanya, peristiwa-peristiwa itu hendaklah disifatkan sebagai satu; tetapi sebarang langkah yang diambil selepas peristiwa pertama dari peristiwa-peristiwa itu hendaklah dianggap telah diambil selepas pembuangan atau pengeluaran itu; dan

(e) jika suatu ancaman kontaminasi yang berkaitan yang disebut dalam bab 3(2) berpunca dari siri peristiwa-peristiwa yang sama puncanya, peristiwa-peristiwa itu hendaklah disifatkan sebagai suatu peristiwa tunggal.

BAHAGIAN II

LIABILITI SIVIL KERANA PENCEMARAN MINYAK

Liabiliti

Liabiliti kerana pencemaran minyak.

3. (1) Jika, akibat dari sebarang peristiwa, mana-mana minyak dibuang atau keluar dari sesebuah kapal yang dikenakan bab ini, pemilik kapal itu hendaklah, kecuali sebagaimana yang diperuntukkan selainnya oleh Bahagian ini, bertanggung —

(a) bagi sebarang kerosakan yang berlaku di luar kapal itu dalam wilayah Negara Brunei Darussalam akibat kontaminasi yang berpunca dari pembuangan atau pengeluaran;

(b) bagi kos sebarang langkah yang diambil dengan munasabah selepas pembuangan atau pengeluaran bagi maksud menghindarkan atau mengurangkan sebarang kerosakan yang berlaku dalam wilayah Negara Brunei Darussalam akibat kontaminasi yang berpunca dari pembuangan atau pengeluaran; dan

(c) bagi sebarang kerosakan yang berlaku dalam wilayah Negara Brunei Darussalam akibat dari sebarang langkah yang diambil itu.

(2) Jika, akibat dari sebarang peristiwa, timbul suatu ancaman kerosakan yang besar dan pasti akan berlaku di luar sesebuah kapal yang dikenakan bab ini akibat kontaminasi yang mungkin terjadi jika ada pembuangan atau pengeluaran minyak dari kapal itu, maka pemilik kapal itu hendaklah bertanggung —

(a) bagi kos sebarang langkah yang diambil dengan munasabah bagi maksud menghindarkan atau mengurangkan sebarang kerosakan tersebut dalam wilayah Negara Brunei Darussalam; dan

(b) bagi sebarang kerosakan yang berlaku di luar kapal itu dalam wilayah Negara Brunei Darussalam akibat dari sebarang langkah yang diambil itu,

dan dalam Perintah ini, sebarang ancaman itu disebut sebagai suatu ancaman kontaminasi yang berkaitan.

(3) Tertakluk kepada ceraihan (4), bab ini hendaklah dikenakan kepada mana-mana kapal yang dibina atau disesuaikan untuk membawa minyak dalam kuantiti yang banyak sebagai kargo.

(4) Jika mana-mana kapal yang dibina atau disesuaikan itu dapat membawa mana-mana kargo lain selain minyak, bab ini hendaklah dikenakan kepada mana-mana kapal itu —

(a) semasa kapal itu membawa minyak dalam kuantiti yang banyak sebagai kargo; dan

(b) semasa kapal itu dalam mana-mana pelayaran berikutan dengan pengangkutan mana-mana minyak tersebut, melainkan jika dibuktikan bahawa tiada sisa dari pengangkutan mana-mana minyak tersebut berada dalam kapal itu,

tetapi bukan sebaliknya.

(5) Jika seseorang itu menanggung suatu liabiliti di bawah ceraian-ceraian (1) atau (2), dia hendaklah juga bertanggung bagi sebarang kerosakan atau kos yang terhadapnya dia akan bertanggung di bawah ceraian-ceraian (1) atau (2) jika sebutan-sebutan di dalamnya kepada wilayah Negara Brunei Darussalam termasuk wilayah mana-mana negeri lain Konvesyen Liabiliti.

(6) Jika —

(a) akibat dari sebarang peristiwa, suatu liabiliti ditanggung di bawah bab ini oleh pemilik setiap 2 buah kapal atau lebih; tetapi

(b) kerosakan atau kos yang akan ditanggung oleh setiap pemilik tidak dapat diasingkan dengan munasabah dari kerosakan atau kos yang akan ditanggung oleh pemilik atau pemilik-pemilik lain,

maka setiap pemilik hendaklah bertanggung, bersesama dengan pemilik atau pemilik-pemilik lain, bagi seluruh kerosakan atau kos yang akan ditanggung bersama oleh pemilik-pemilik di bawah bab ini.

(7) Bagi maksud-maksud bab ini, sebutan-sebutan kepada pemilik kapal itu adalah sebutan-sebutan kepada pemilik pada masa peristiwa itu atau peristiwa pertama dari peristiwa-peristiwa itu, yang mengakibatkan pembuangan atau pengeluaran minyak dari kapal itu atau yang menimbulkan ancaman kontaminasi yang berkaitan, mengikut mana yang berkenaan.

(8) Akta Kemalangan Maut dan Kecederaan Diri (Penggah 160) hendaklah dikenakan berkenaan dengan sebarang kerosakan atau kos yang terhadapnya seseorang itu bertanggung di bawah bab ini, tetapi bukan disebabkan oleh kesalahannya, seolah-olah ia adalah disebabkan oleh kesalahannya.

Pengecualian dari liabiliti di bawah bab 3.

4. Tiada liabiliti boleh ditanggung oleh pemilik sesebuah kapal di bawah bab 3 kerana sebarang pembuangan atau pengeluaran minyak dari kapal itu, atau kerana sebarang ancaman kontaminasi yang berkaitan, jika dia membuktikan bahawa pembuangan atau pengeluaran itu, atau ancaman kontaminasi yang berkaitan itu, mengikut mana yang berkenaan —

(a) berpunca dari tindakan perang, permusuhan, perang saudara, pemberontakan atau fenomena alam yang luar biasa, pasti berlaku dan tidak dapat dibendung;

(b) disebabkan seluruhnya oleh apa-apa hal yang dilakukan atau tidak dilakukan oleh orang lain, bukannya seseorang pekerja atau ejen pemilik, dengan niat untuk melakukan kerosakan; atau

(c) disebabkan seluruhnya oleh kecuaiannya atau perbuatan salah seseorang kerajaan atau pihak berkuasa lain pada menjalankan tugas-tugasnya dalam menyelenggarakan lampu atau alat-bantu pelayaran lain yang penyelenggaraannya kerajaan atau pihak berkuasa lain itu bertanggungjawab.

Sekatan liabiliti kerana pencemaran minyak.

5. (1) Jika, akibat dari sebarang peristiwa —

(a) mana-mana minyak dibuang atau keluar dari sesebuah kapal; atau

(b) timbul suatu ancaman kontaminasi yang berkaitan,

maka, sama ada atau tidak pemilik kapal yang berkenaan itu menanggung suatu liabiliti di bawah bab 3 —

(i) dia tidak akan bertanggung kecuali di bawah bab itu bagi sebarang kerosakan atau kos yang disebut dalam bab itu; dan

(ii) mana-mana orang yang dikenakan perenggan kecil ini tidak akan bertanggung bagi sebarang kerosakan atau kos tersebut melainkan jika ia berpunca dari apa-apa hal yang dilakukan atau ditinggalkan daripada dilakukan olehnya sama ada dengan niat hendak menyebabkan sebarang kerosakan atau kos tersebut atau dengan cuai dan diketahuinya berkemungkinan mengakibatkan sebarang kerosakan atau kos tersebut.

(2) Ceraian (1)(ii) hendaklah dikenakan kepada —

(a) mana-mana pekerja atau ejen pemilik kapal itu;

(b) mana-mana orang yang tidak termasuk di bawah perenggan (a) tetapi bekerja atau diguna khidmat atas sebarang jawatan di dalam kapal itu atau untuk melaksanakan sebarang perkhidmatan bagi kapal itu;

(c) mana-mana pencarter kapal itu (tidak kira bagaimana jua pun diperihalkan dan termasuk pencarter kapal kosong, dan mana-mana pengurus atau pengendali kapal itu;

(d) mana-mana orang yang melaksanakan operasi salvaj dengan persetujuan pemilik kapal itu atau atas arahan pihak berkuasa awam yang layak;

(6) Jika sesebuah kapal memasuki atau meninggalkan, atau cuba memasuki atau meninggalkan sesebuah pelabuhan atau laut wilayah dengan melanggar ceraihan (2), juragan atau pemilik kapal itu adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi dari \$1 juta.

(7) Jika sesebuah kapal tidak membawa, atau juragan sesebuah kapal tidak mengemukakan, suatu perakuan yang dikehendaki oleh ceraihan (5), juragan kapal itu adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi dari \$20,000.

(8) Jika sesebuah kapal cuba meninggalkan sesebuah pelabuhan di, atau laut wilayah, Negara Brunei Darussalam dengan melanggar bab ini, kapal itu boleh ditahan oleh Pengarah, mana-mana pegawai polis atau mana-mana pegawai bertauliah yang bergaji penuh dalam Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.

(9) Bab 206 dari Perintah Perkapalan Pedagang, 2002 (S 27/02) hendaklah dikenakan, dengan pengubahsuaian-pengubahsuaian yang perlu, kepada penahanan sesebuah kapal di bawah Perintah ini.

Pengeluaran perakuan.

13. (1) Tertakluk kepada ceraihan (2), jika Pengarah berpuas hati, atas suatu permohonan bagi suatu perakuan yang disebut dalam bab 12 berkaitan dengan sesebuah kapal Negara Brunei Darussalam atau sesebuah kapal yang didaftarkan di mana-mana negeri yang bukan negeri Konvensyen Liabiliti, bahawa akan ada berkuatkuasa berkaitan dengan kapal itu, sepanjang tempoh perakuan itu akan dikeluarkan, suatu kontrak insurans atau jaminan lain yang memenuhi kehendak-kehendak Perkara VII Konvensyen Liabiliti, Pengarah boleh mengeluarkan perakuan tersebut kepada pemilik.

(2) Jika Pengarah berpendapat bahawa terdapat keraguan sama ada orang yang mengadakan insurans atau jaminan lain itu akan dapat memenuhi obligasinya di bawahnya, atau sama ada insurans atau jaminan lain itu akan melindungi liabiliti pemilik di bawah bab 3 dalam semua hal keadaan, Pengarah boleh enggan mengeluarkan perakuan itu.

(3) Pengarah hendaklah menyelenggara suatu rekod mengenai mana-mana perakuan yang dikeluarkan olehnya di bawah bab ini berkaitan dengan sesebuah kapal Negara Brunei Darussalam yang tersedia untuk pemeriksaan orang ramai.

Hak pihak ketiga terhadap penanggung insurans.

14. (1) Jika dikatakan bahawa pemilik sesebuah kapal telah menanggung suatu liabiliti di bawah bab 3 akibat dari sebarang pembuangan atau pengeluaran minyak yang berlaku, atau akibat dari sebarang ancaman kontaminasi yang berkaitan yang timbul, semasa ada berkuatkuasa suatu kontrak insurans atau

jaminan lain yang ada kaitannya dengan suatu perakuan yang disebut dalam bab 12, prosiding untuk menguatkuasakan suatu tuntutan berkaitan dengan liabiliti itu boleh dibawa terhadap orang yang mengadakan insurans atau jaminan lain itu (disebut dalam Perintah ini sebagai penanggung insurans).

(2) Dalam mana-mana prosiding yang dibawa terhadap penanggung insurans menurut bab ini, adalah menjadi suatu pembelaan (selain dari sebarang pembelaan yang menyentuh liabiliti pemilik) untuk membuktikan bahawa pemuangan atau pengeluaran itu, atau ancaman kontaminasi yang berkaitan itu, mengikut mana yang berkenaan, adalah kerana salah laku sengaja pemilik itu sendiri.

(3) Penanggung insurans boleh membataskan liabilitinya berkaitan dengan tuntutan-tuntutan yang dibuat terhadapnya menurut bab ini mengikut cara yang sama dan setakat yang sama sebagaimana pemilik boleh membataskan liabilitinya, tetapi penanggung insurans boleh berbuat demikian sama ada atau tidak pemuangan atau pengeluaran itu, atau ancaman kontaminasi yang berkaitan itu, mengikut mana yang berkenaan, berpunca dari apa-apa hal yang dilakukan atau ditinggalkan daripada dilakukan oleh pemilik sebagaimana yang disebutkan dalam bab 6(4).

(4) Jika pemilik dan penanggung insurans masing-masing memohon kepada Mahkamah untuk membataskan liabilitinya, sebarang jumlah wang yang dibayar kepada Mahkamah menurut salah satu permohonan hendaklah disifatkan sebagai telah juga dibayar menurut permohonan yang satu lagi.

Tambahan

Bidang kuasa mahkamah Negara Brunei Darussalam dan pendaftaran penghakiman asing.

15. (1) Bab 3(2)(d) dari Akta Bidang Kuasa Admiralti (Penggalaan 179) hendaklah ditafsirkan sebagai meliputi sebarang tuntutan berkaitan dengan suatu liabiliti yang ditanggung oleh pemilik sesebuah kapal di bawah Bahagian ini.

(2) Jika —

(a) mana-mana minyak dibuang atau keluar dari sesebuah kapal tetapi tidak mengakibatkan sebarang kerosakan kerana kontaminasi dalam wilayah Negara Brunei Darussalam dan tiada langkah diambil dengan munasabah untuk menghindarkan atau mengurangkan kerosakan tersebut dalam wilayah itu; atau

(b) mana-mana ancaman kontaminasi yang berkaitan timbul tetapi tiada langkah diambil dengan munasabah untuk menghindarkan atau mengurangkan kerosakan tersebut dalam wilayah Negara Brunei Darussalam,

"langkah pencegahan" bermakna sebarang langkah munasabah yang diambil oleh mana-mana orang untuk menghindarkan atau mengurangkan kerosakan pencemaran, iaitu langkah-langkah yang diambil –

(a) setelah suatu kejadian berlaku; atau

(b) dalam hal suatu kejadian yang terdiri dari siri peristiwa-peristiwa, selepas peristiwa pertama dari peristiwa-peristiwa itu.

(2) Jika Menteri, dengan perintah yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan*, mengisytiharkan bahawa mana-mana Negara yang dinyatakan dalam perintah itu adalah ahli dalam Konvensyen Dana berkaitan dengan mana-mana negeri yang dinyatakan itu, perintah itu adalah, semasa berkuatkuasa, keterangan muktamad, bahawa Negara itu adalah ahli dalam Konvensyen itu berkaitan dengan negeri tersebut.

Keupayaan Dana di sisi undang-undang.

23. (1) Bagi maksud-maksud hak dan obligasi Bahagian ini, Dana mempunyai keupayaan, hak dan obligasi seorang individu dan, khususnya, boleh mendakwa dan didakwa.

(2) Sebarang prosiding oleh atau terhadap Dana boleh sama ada dimulakan oleh atau terhadap Dana atas namanya sendiri atau dimulakan oleh atau terhadap Pengarah Dana sebagai wakil Dana.

(3) Keterangan mengenai apa-apa suratcara yang dikeluarkan oleh mana-mana organ Dana atau apa-apa dokumen dalam jagaan Dana, atau sebarang catatan dalam atau cabutan dari dokumen tersebut, boleh diberikan dalam sebarang prosiding undang-undang dengan mengemukakan satu salinan yang diperakui sebagai salinan sebenar oleh seseorang pegawai Dana, dan apa-apa dokumen yang dikatakan sebagai salinan yang sedemikian hendaklah, dalam sebarang prosiding, diterima sebagai keterangan tanpa bukti jawatan rasmi atau tulisan tangan orang yang menandatangani perakuan itu.

Sumbangan oleh pengimport minyak dan orang lain.

24. (1) Sumbangan hendaklah kena dibayar kepada Dana berkaitan dengan minyak yang dibawa melalui laut ke pelabuhan-pelabuhan atau loji terminal di Negara Brunei Darussalam kecuali dalam pelayaran di dalam laut wilayahnya sahaja.

(2) Ceraian (1) hendaklah dikenakan sama ada minyak itu diimport atau tidak, dan hendaklah dikenakan walaupun sumbangan kena dibayar berkaitan dengan pengangkutan minyak yang sama dalam pelayaran sebelumnya.

(3) Sumbangan hendaklah juga kena dibayar kepada Dana berkaitan dengan minyak apabila mula-mula diterima di mana-mana loji di Negara Brunei Darussalam setelah dibawa melalui laut dan dipunggah di sesebuah pelabuhan atau loji terminal di sesebuah negeri yang bukan negeri Konvensyen Dana.

(4) Orang yang bertanggung untuk membayar sumbangan adalah —

(a) dalam hal minyak yang diimport ke dalam Negara Brunei Darussalam, pengimport; dan

(b) selainnya, orang yang menerima minyak.

(5) Seseorang itu tidak akan bertanggung untuk membuat sumbangan berkaitan dengan minyak yang diimport atau diterima olehnya dalam mana-mana tahun jika minyak yang diimport atau diterima itu dalam tahun itu tidak melebihi dari 150,000 tan.

(6) Bagi maksud ceraihan (5) —

(a) semua ahli dalam kumpulan syarikat-syarikat hendaklah disifatkan sebagai orang tunggal; dan

(b) mana-mana 2 syarikat atau lebih yang telah bergabung menjadi sebuah syarikat tunggal hendaklah disifatkan sebagai orang yang sama dengan syarikat tunggal itu.

(7) Sumbangan yang kena dibayar oleh seseorang bagi mana-mana tahun —

(a) adalah suatu amaun sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Pengarah Dana di bawah Perkara 12 Konvensyen Dana dan diberitahu kepada orang itu oleh Dana;

(b) hendaklah kena dibayar secara beransur-ansur, menjadi genap masanya dibayar pada masa-masa, sebagaimana yang mungkin diberitahu demikian kepadanya,

dan jika sebarang amaun yang genap masanya dibayar olehnya masih belum dibayar selepas tarikh amaun itu menjadi genap masanya dibayar, maka amaun itu hendaklah selepas itu dikenakan faedah, pada suatu kadar yang ditentukan oleh Perhimpunan Dana, sehingga amaun itu dibayar.

(8) Menteri boleh, dengan peraturan-peraturan yang dibuat dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, mengenakan kepada orang-orang yang bertanggung atau mungkin bertanggung untuk membayar sumbangan di bawah bab ini obligasi untuk memberi jaminan bagi pembayaran kepada Pengarah atau Dana.

(9) Peraturan-peraturan yang dibuat di bawah ceraian (8) boleh —

(a) termasuk peruntukan-peruntukan bersampingan, berbangkit dan tambahan sebagaimana yang dianggap perlu atau mustahak oleh Menteri; dan

(b) mengadakan peruntukan bahawa sebarang pelanggaran atau kegagalan untuk mematuhi mana-mana peraturan tersebut boleh dihukum dengan suatu denda tidak melebihi dari \$20,000, penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi dari satu tahun atau kedua-duanya sekali.

(10) Dalam bab ini dan dalam bab 25, melainkan jika maksudnya berkehendakkan makna yang lain —

"syarikat" bermakna suatu badan korporat yang diperbadankan atau didaftarkan di bawah undang-undang Negara Brunei Darussalam, atau mana-mana negeri lain;

"kumpulan", berkenaan dengan syarikat-syarikat, bermakna sesebuah syarikat pemegang dan anak-anak syarikatnya sebagaimana yang ditakrifkan dalam bab-bab 125 dan 126 dari Akta Syarikat (Penggagal 39) tertakluk, dalam hal sesebuah syarikat yang diperbadankan di luar Negara Brunei Darussalam, kepada sebarang pengubahsuaian yang perlu dalam takrifan-takrifan tersebut;

"pengimport" bermakna mana-mana orang yang memasukkan atau yang bagi pihaknya minyak yang berkenaan itu dimasukkan bagi maksud-maksud kastam atau eksais atas pengimportan, dan "import" hendaklah ditafsirkan dengan sewajarnya;

"minyak" bermakna minyak mentah dan minyak bahan bakar, dan —

(a) "minyak mentah" bermakna apa-apa campuran hidrokarbon cecair yang terjadi secara semula jadi di dalam bumi sama ada diproses atau tidak untuk menjadikannya sesuai bagi pengangkutan, dan termasuk —

(i) minyak mentah yang daripadanya bahagian sulingan telah dibuang; dan

(ii) minyak mentah yang kepadanya bahagian sulingan telah ditambah; dan

(b) "minyak bahan bakar" bermakna sulingan berat atau sisa dari minyak mentah atau adunan bahan-bahan tersebut yang dimaksudkan untuk digunakan sebagai bahan bakar bagi pengeluaran haba atau kuasa yang kualitinya setara dengan "*American Society for Testing and Materials' Specification for Number Four Fuel oil (Designation D396-69)*", atau lebih berat;

"loji terminal" bermakna mana-mana tapak bagi menyimpan minyak dalam kuantiti yang banyak yang boleh menerima minyak dari pengangkutan air, termasuk apa-apa kemudahan yang terletak di luar pesisir dan dihubungkan dengan mana-mana tapak itu.

(11) Semua sumbangan yang kena dibayar di bawah bab ini dan apa-apa faedah yang kena dibayar ke atasnya adalah hutang yang genap masanya dibayar kepada Dana dan boleh didapatkan balik sedemikian daripada orang-orang yang bertanggung untuk membayar sumbangan dalam mana-mana mahkamah yang mempunyai bidangkuasa yang layak.

Kuasa untuk mendapatkan maklumat.

25. (1) Bagi maksud menghantar kepada Dana nama-nama dan alamat-alamat orang yang bertanggung di bawah bab 24 untuk membuat sumbangan kepada Dana bagi mana-mana tahun, dan kuantiti minyak yang berkaitan dengannya orang itu bertanggung demikian, Pengarah boleh dengan notis menghendaki mana-mana orang yang terlibat dalam pengeluaran, pemprosesan, pengedaran atau pengangkutan minyak, atau mana-mana orang lain yang Pengarah mempunyai sebab untuk mempercayai mempunyai apa-apa maklumat yang berkaitan dengan maksud itu, untuk memberi maklumat sebagaimana yang mungkin dinyatakan dalam notis itu.

(2) Suatu notis di bawah bab ini boleh menghendaki sesebuah syarikat untuk memberi maklumat sebagaimana yang mungkin dikehendaki bagi memastikan sama ada liabilitinya terjejas oleh bab 24(6).

(3) Suatu notis di bawah bab ini boleh menyatakan cara bagaimana notis itu dipatuhi, dan tempoh masa notis itu dipatuhi.

(4) Dalam prosiding oleh Dana terhadap mana-mana orang untuk mendapatkan balik apa-apa amaun yang genap masanya dibayar di bawah bab 24, butir-butir yang terkandung dalam mana-mana senarai yang dihantar oleh Pengarah kepada Dana hendaklah, setakat mana butir-butir itu berdasarkan kepada maklumat yang diperolehi di bawah bab ini, boleh diterima sebagai keterangan tentang fakta-fakta yang dinyatakan dalam senarai itu; dan setakat mana butir-butir yang boleh diterima itu berdasarkan kepada maklumat yang diberikan oleh orang yang terhadapnya prosiding itu dibawa, butir-butir itu hendaklah dianggap sebagai betul sehingga dibuktikan sebaliknya.

(5) Seseorang yang —

(a) enggan atau dengan sengaja lalai mematuhi suatu notis di bawah bab ini; atau

- (i) bahawa suatu jumlah wang tertentu dalam ringgit Negara Brunei Darussalam telah ditetapkan demikian bagi hari yang berkaitan; atau
- (ii) bahawa suatu jumlah wang tiada ditetapkan demikian bagi hari yang berkaitan dan bahawa suatu jumlah wang tertentu dalam ringgit Negara Brunei Darussalam telah ditetapkan demikian bagi suatu hari yang merupakan hari terakhir suatu jumlah wang telah ditetapkan demikian sebelum hari yang berkaitan,

adalah keterangan muktamad mengenai perkara-perkara tersebut bagi maksud-maksud Bahagian ini.

(6) Menteri boleh, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, dengan perintah yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan*, membuat pindaan-pindaan kepada bab ini sebagaimana yang pada pendapatnya bersesuaian bagi maksud untuk memberi kesan kepada penguatkuasaan sebarang pindaan peruntukan-peruntukan yang dinyatakan dalam perenggan-perenggan 4 dan 5 Perkara 4 Konvensyen Dana.

(7) Apa-apa dokumen yang dikatakan sebagai suatu perakuan yang disebut dalam cerai (5)/b) hendaklah, dalam sebarang prosiding undang-undang, diterima sebagai keterangan dan, melainkan jika dibuktikan sebaliknya, dianggap sebagai perakuan tersebut.

Bidang kuasa dan kesan penghakiman.

28. (1) Bab 3(2)/d) dari Akta Bidang Kuasa Admiralti (Penggali 179) hendaklah ditafsirkan sebagai meliputi sebarang tuntutan berkaitan dengan suatu liabiliti yang termasuk dalam Dana di bawah Bahagian ini.

(2) Jika, menurut Aturan-Aturan Mahkamah yang dibuat bagi maksud-maksud cerai ini, Dana telah diberikan notis prosiding yang dibawa terhadap seseorang pemilik atau penanggung insurans berkaitan dengan liabiliti di bawah bab 3, sebarang penghakiman yang diberikan dalam prosiding itu hendaklah, setelah penghakiman itu menjadi muktamad dan boleh dikuatkuasakan, menjadi terikat kepada Dana dalam erti kata bahawa fakta-fakta dan keterangan dalam penghakiman itu tidak boleh dipertikaikan oleh Dana walaupun Dana tidak campur tangan dalam prosiding itu.

(3) Jika seseorang itu menanggung suatu liabiliti di bawah undang-undang sesebuah negeri Konvensyen Dana yang bersamaan dengan Bahagian ini bagi kerosakan yang sebahagiannya di dalam wilayah Negara Brunei Darussalam, cerai (2) hendaklah, bagi maksud prosiding di bawah Bahagian ini, dikenakan, dengan pengubahsuaian-pengubahsuaian yang perlu, kepada suatu penghakiman dalam prosiding di bawah undang-undang negeri itu.

(4) Tertakluk kepada cerai (5), Bahagian I Akta Penguatkuasaan Timbal Balik Penghakiman Asing (Penggagal 177) hendaklah dikenakan, sama ada atau tidak ia akan dikenakan demikian selain dari bab ini, kepada sebarang penghakiman yang diberikan oleh sesebuah mahkamah di sesebuah negeri Konvensyen Dana untuk menguatkuasakan suatu tuntutan berkaitan dengan liabiliti yang ditanggung di bawah sebarang peruntukan yang bersamaan dengan bab 26, dan dalam pengenaannya kepada penghakiman tersebut Bahagian itu hendaklah berkuatkuasa dengan meninggalkan bab-bab 5(2) dan (3) dari Akta itu.

(5) Langkah-langkah tidak boleh diambil untuk menguatkuasakan penghakiman tersebut melainkan jika dan sehingga mahkamah di mana penghakiman itu didaftarkan di bawah Bahagian I Akta Penguatkuasaan Timbal Balik Penghakiman Asing (Penggagal 177) memberi kebenaran untuk menguatkuasakannya, dan —

(a) kebenaran itu tidak boleh diberikan melainkan jika dan sehingga Dana memberitahu mahkamah sama ada bahawa amaun tuntutan itu tidak akan dikurangkan di bawah bab 27(1) atau bahawa ia akan dikurangkan kepada suatu amaun yang ditetapkan; dan

(b) dalam hal yang disebut kemudian, penghakiman itu boleh dikuatkuasakan hanya bagi amaun yang dikurangkan itu.

Penghapusan tuntutan.

29. (1) Apa-apa tindakan untuk menguatkuasakan suatu tuntutan terhadap Dana di bawah Bahagian ini tidak boleh dilayan oleh sesebuah mahkamah di Negara Brunei Darussalam melainkan jika —

(a) tindakan itu dimulakan; atau

(b) suatu notis pihak ketiga mengenai suatu tindakan untuk menguatkuasakan suatu tuntutan terhadap pemilik atau penanggung insuransnya berkaitan dengan kerosakan yang sama diberikan kepada Dana,

tidak lewat dari 3 tahun selepas tuntutan terhadap Dana itu timbul.

(2) Dalam cerai (1), "notis pihak ketiga" bermakna suatu notis yang jenisnya diperihalkan dalam bab 28(2) dan (3).

(3) Apa-apa tindakan untuk menguatkuasakan suatu tuntutan terhadap Dana di bawah Bahagian ini tidak boleh dilayan oleh sesebuah mahkamah di Negara Brunei Darussalam melainkan jika tindakan itu dimulakan tidak lewat dari 6 tahun selepas peristiwa, atau peristiwa pertama dari peristiwa-peristiwa, yang mengakibatkan pembuangan atau pengeluaran, atau ancaman kontaminasi yang berkaitan, mengikut mana yang berkenaan, yang disebabkan olehnya tuntutan terhadap Dana itu timbul.

Subrogasi.

30. (1) Berkaitan dengan sebarang jumlah wang yang dibayar oleh Dana sebagai pampasan kerana kerosakan pencemaran, Dana hendaklah memperolehi dengan subrogasi berkaitan dengan kerosakan itu sebarang hak yang dipunyai oleh penerima (atau jika tidak kerana pembayaran itu mungkin) terhadap mana-mana orang lain.

(2) Berkaitan dengan sebarang jumlah wang yang dibayar oleh Kerajaan sebagai pampasan kerana kerosakan pencemaran, Kerajaan hendaklah memperolehi dengan subrogasi sebarang hak yang dipunyai oleh penerima terhadap Dana di bawah Bahagian ini.

BAHAGIAN IV

AM

Peraturan-peraturan.

31. (1) Menteri boleh, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, membuat peraturan-peraturan yang perlu atau mustahak untuk menguatkuasakan dan melaksanakan peruntukan-peruntukan Perintah ini, termasuk penetapan bayaran dan apa-apa hal lain yang dikehendaki untuk ditetapkan atau yang boleh ditetapkan di bawah Perintah ini, dan bagi perlaksanaannya yang sewajarnya.

(2) Peraturan-peraturan tersebut boleh termasuk peruntukan-peruntukan bersampingan, berbangkit dan tambahan sebagaimana yang dianggap perlu atau mustahak oleh Menteri.

(3) Tanpa menjejaskan keluasan makna ceraiian (1), peraturan-peraturan boleh dibuat untuk –

(a) menetapkan amaun bayaran yang akan dibuat atas suatu permohonan bagi pengeluaran suatu perakuan di bawah bab 13(1);

(b) mengadakan peruntukan bagi pembatalan dan penyerahan kepada Pengarah suatu perakuan yang dikeluarkan di bawah bab 13(1);

(c) mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara berkenaan dengan penukaran amaun yang disebut dalam bab-bab 7(3) dan 27(5) dari hak ambilan istimewa kepada jumlah wang dalam ringgit Negara Brunei Darussalam;

(d) mengadakan peruntukan bagi apa-apa perkara lain yang dikehendaki atau dibenarkan oleh sebarang peruntukan Perintah ini untuk diperuntukkan dengan peraturan-peraturan; dan

(e) tertakluk kepada bab 24(9), mengadakan peruntukan bahawa sebarang pelanggaran atau kegagalan mematuhi mana-mana peraturan tersebut adalah menjadi suatu kesalahan yang boleh dihukum dengan suatu denda tidak melebihi dari \$10,000, penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi dari satu tahun atau kedua-duanya sekali.

Pengarah boleh memberi kuasa kepada pegawai untuk menjalankan kuasa dan kewajipan.

32. Kuasa-kuasa yang diberikan dan kewajipan-kewajipan yang dikenakan kepada Pengarah di bawah Perintah ini dan sebarang peraturan yang dibuat di bawahnya boleh dijalankan dan dilaksanakan oleh mana-mana pegawai Jabatan Laut yang diberi kuasa oleh Pengarah sama ada pada amnya atau khususnya, dan tertakluk kepada arahnya.

Kuasa untuk menaiki dan memeriksa kapal.

33. (1) Pengarah boleh, jika dia mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa suatu kesalahan telah dilakukan di bawah Perintah ini atau sebarang peraturan yang dibuat di bawahnya —

(a) menaiki dan memeriksa mana-mana kapal;

(b) memasuki dan memeriksa mana-mana premis; atau

(c) menyaman mana-mana orang di hadapannya dan menghendaknya untuk menjawab soalan,

dan boleh menjalankan pemeriksaan dan penelitian sebagaimana yang mungkin dianggapnya perlu dan boleh merampas mana-mana buku, kertas, dokumen atau barang lain yang dijumpai di tempat-tempat tersebut yang boleh memberi keterangan mengenai suatu kesalahan yang dilakukan di bawah Perintah ini atau peraturan-peraturannya dan boleh membuat salinan, atau mengambil cabutan dari, mana-mana buku, kertas atau dokumen tersebut.

(2) Mana-mana orang yang menyerang, menghalang, menggendalakan atau mengadang Pengarah dalam melaksanakan kewajipan-kewajipannya di bawah bab ini adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi dari \$20,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi dari satu tahun atau kedua-duanya sekali.

(3) Bagi maksud-maksud ceraihan (2), "Pengarah" termasuk seseorang pegawai Jabatan Laut yang diberi kuasa oleh Pengarah untuk menjalankan sebarang kuasa yang disebut dalam ceraihan (1).

Kesalahan yang dilakukan oleh badan korporat.

34. Jika suatu badan korporat melakukan suatu kesalahan di bawah Perintah ini atau sebarang peraturan dibuat di bawahnya dan kesalahan itu terbukti telah dilakukan dengan persetujuan atau pembiaran, atau disebabkan oleh sebarang kecuiaan di pihak, mana-mana pengarah, pengurus, setiausaha atau pegawai lain yang sama badan korporat itu atau mana-mana orang yang dikatakan bertindak atas sebarang jawatan tersebut, maka dia, dan juga badan korporat itu, adalah juga melakukan kesalahan itu dan boleh diambil tindakan selanjutnya dan dihukum dengan sewajarnya.

Komposisi kesalahan.

35. (1) Pengarah boleh mengkompaun sebarang kesalahan terhadap Perintah ini atau sebarang peraturan yang dibuat di bawahnya yang ditetapkan sebagai suatu kesalahan yang boleh dikompaun dengan memungut daripada orang yang disyaki dengan munasabah telah melakukan kesalahan itu suatu jumlah wang tidak melebihi dari \$2,000.

(2) Setelah jumlah wang tersebut dibayar, prosiding lanjut tidak boleh diambil terhadap orang itu berkaitan dengan kesalahan tersebut.

(3) Menteri boleh, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, membuat peraturan-peraturan yang menetapkan kesalahan-kesalahan yang boleh dikompaun dan cara dan prosedurnya.

Perlindungan dari liabiliti sendiri.

36. Tiada guaman, pendakwaan atau prosiding undang-undang lain boleh dibuat terhadap Pengarah atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa atau orang lain yang bertindak di bawah arahan Pengarah berkaitan dengan apa-apa perbuatan atau hal yang dilakukan atau ditinggalkan daripada dilakukan olehnya dengan suci hati pada menjalankan, melaksanakan atau dikatakan pada menjalankan atau melaksanakan, sebarang kuasa atau kewajipan di bawah Perintah ini atau di bawah sebarang peraturan yang dibuat di bawahnya.

Diperbuat pada hari ini 11 haribulan Rabiulakhir, Tahun Hijrah 1429 bersamaan dengan 17 haribulan April, 2008 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM